



## Terma & Syarat

### 1. Kelayakan untuk pembayaran tuntutan GAP Benefit

Untuk memastikan kelayakan untuk pembayaran tuntutan GAP Benefit, pelanggan mesti memenuhi kriteria yang ditetapkan serta keperluan yang digariskan dalam terma dan syarat.

#### a) Syarat Am

- Manfaat ini diberikan kepada pelanggan Parkson Credit secara percuma yang membiayai motosikal melalui skim pembiayaan sewa beli (IDEAL HP)
- Untuk motosikal moped 250cc & ke bawah sahaja
- **Mempunyai rekod pembayaran balik bulanan yang elok** (*rujuk Jadual A. Kelakuan & Keperluan Pembayaran Balik Pelanggan*)

#### b) Kewajiban Insurans

- Pelanggan **wajib memiliki polisi insurans all rider yang komprehensif** dengan jumlah diinsuranskan berdasarkan nilai pasaran sepanjang tempoh pembiayaan motosikal.
- Motosikal yang tidak diinsuranskan pada nilai pasaran (under-insured) akan dibatalkan manfaat GAP Benefit secara automatik. (*rujuk Jadual B. & Jadual C. untuk lebih lanjut*)
- **Pelanggan dikehendaki untuk memperbaharui polisi insurans 'comprehensive all rider' bagi tahun ke-2 dan ke-3 di kedai motosikal yang menguruskan pembiayaan Parkson Credit motosikalnya**

#### c) Status Akaun

- **Akaun pelanggan mesti aktif sepanjang tempoh pembiayaan.** Maksud 'akaun aktif': perjanjian pembiayaan semasa yang belum sampai tempoh tamat sepenuhnya, diselesaikan awal, matang, ditamatkan atau dibatalkan.

#### d) Pematuhan

- Pelanggan tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang mengawal perjanjian pembiayaan motosikal termasuk Akta Sewa Beli 1967
- Sebarang perubahan pada alamat/hubungan pelanggan mesti dikemas kini kepada Parkson Credit oleh pelanggan
- Pelanggan mesti mematuhi syarat tuntutan insurans yang ditetapkan oleh syarikat insurans masing-masing. (*rujuk Fasal 4*)

**GAP Benefit diberikan oleh Parkson Credit, di mana ia mengekalkan hak tersendiri untuk menilai dan menentukan kelayakan tuntutan GAP Benefit yang dikemukakan serta jumlah pembayaran tuntutan pada bila-bila masa.**



## 2. Tabiat Pembayaran Balik Pelanggan


Pelanggan mesti mengekalkan rekod pembayaran balik yang baik sepanjang tempoh pembiayaan sebelum, semasa dan selepas proses tuntutan GAP Benefit sehingga ke tahap pembayaran tuntutan GAP Benefit. Syarat berikut mesti dipatuhi sebagai bukti rekod pembayaran yang baik: -

Tabiat Pembayaran Balik Pelanggan	Kriteria
a) Status akaun	Kekalkan sebagai akaun semasa dengan tunggakan tidak melebihi 30 hari bagi 6 bulan yang lepas
b) Rekod pembayaran	Tunggakan yang tidak melebihi 90 hari. Bagi kes tunggakan yang melebihi 90 hari, manfaat Theft Loss Gap Benefit akan dibatalkan
c) Semasa tuntutan	Tiada sebarang tunggakan pada akaun. Semua tunggakan mesti dibayar semasa membuat tuntutan
d) Semasa tuntutan insurans	Teruskan membuat pembayaran ansuran bulanan

Jadual A. Kelakuan & Keperluan Pembayaran Balik Pelanggan


## 3. Jumlah Diinsuranskan

- i) Sekiranya jumlah insurans motosikal adalah kurang (tidak diinsuranskan pada nilai pasaran yang disyorkan oleh syarikat insurans) manfaat akan dibatalkan secara automatik.



Jadual B. Ilustrasi Under-insured

- ii) Sekiranya jumlah insurans motosikal adalah terlebih, maka manfaat akan membayar perbezaan antara jumlah diinsuranskan tahun pertama pada nilai pasaran dan jumlah boleh dituntut yang dibayar oleh polisi insurans motor all rider komprehensif pelanggan.



Jadual C. Ilustrasi Over-insured



#### 4. Proses Menuntut GAP Benefit

- a. Pelanggan **dikehendaki menghubungi kedai motosikal Parkson Credit di mana pelanggan membeli motosikalnya** untuk memulakan tuntutan GAP Benefit
- b. Semasa proses tuntutan GAP Benefit, adalah menjadi tanggungjawab pelanggan untuk memastikan kelengkapan dokumen-dokumen yang diperlukan telah diserahkan kepada pihak kedai motosikal.
- c. Jika tuntutan insurans pelanggan ditolak oleh syarikat insurans mereka atas apa jua sebab yang ditentukan oleh syarikat insurans tersebut, tuntutan Theft Loss Gap Benefit juga akan dibatalkan secara automatik.
- d. Semasa tuntutan GAP Benefit, Terma & Syarat yang ditetapkan di laman web di [www.parksoncredit.com.my](http://www.parksoncredit.com.my) akan diutamakan.
- e. Semasa tuntutan insurans, **pelanggan dikehendaki meneruskan pembayaran ansuran bulanan dengan bersungguh-sungguh untuk mengelakkan akaun tertunggak.**

#### 5. Pembayaran Tuntutan Benefit

- a. Selepas penyerahan pemberitahuan kehilangan motosikal kepada Parkson Credit, tiada tindakan selanjutnya diperlukan daripada pelanggan selain dari **meneruskan pembayaran ansuran bulanan pada masa yang tetap.**
- b. Bayaran tuntutan GAP Benefit akan berlangsung 30 hari selepas syarikat insurans pelanggan memaklumkan kepada Parkson Credit mengenai kelulusan dan pembayaran tuntutan insurans pelanggan kepada Parkson Credit serta tertakluk kepada **semua syarat yang dipenuhi untuk Parkson Credit meluluskan bayaran tuntutan GAP Benefit.**
- c. Jumlah yang perlu dibayar untuk tuntutan GAP Benefit (selepas penyelesaian/penolakan sebarang tertunggak yang terhutang kepada Parkson Credit) hendaklah dibayar sama ada:
  - a. Kepada kedai motosikal pelanggan, tertakluk kepada persetujuan pelanggan, digunakan sebagai wang pendahuluan untuk membeli motosikal gantian, atau;
  - b. Kepada pelanggan secara langsung (penerima tunggal)
- d. **Bayaran tuntutan GAP Benefit maksimum adalah seperti berikut: -**

Tahun ke-2	Tiada maksimum
Tahun ke-3	RM1,000

#### 6. Pengecualian

Theft Loss GAP Benefit tidak layak sekiranya berkeadaan seperti berikut.

- a. Amaun untuk bayaran tuntutan GAP Benefit adalah kurang daripada RM100.
- b. Kerugian/Kemusnahan motosikal sepenuhnya selain daripada kerugian akibat kecurian.
- c. Pembaikan motosikal akibat kemalangan
- d. Pelanggan yang belum dilepaskan muflis, mempunyai status bankrap atau mempunyai kes-kes jenayah terhadap mereka, atau sedang menjalani hukuman jenayah.
- e. Motosikal yang telah digunakan untuk apa-apa aktiviti yang dianggap menyalahi sisi undang-undang di mana ia melibatkan pelanggan secara langsung atau secara tidak langsung.
- f. Bayaran insurans yang diluluskan oleh syarikat insurans pelanggan berdasarkan ex-gratia.
- g. Motosikal yang telah diubahsuai secara binaannya dan strukturnya.
- h. Motosikal didaftarkan untuk kegunaan perniagaan.



## 7. Hak Parkson Credit

- a. Theft Loss GAP Benefit ialah tawaran istimewa yang diberi secara percuma kepada pelanggan Parkson Credit yang membiayai motosikal mereka melalui pembiayaan sewa beli motosikal (IDEAL HP).
- b. Pada bila-bila masa, Parkson Credit boleh mengubahsuai Terma & Syarat Theft Loss GAP Benefit atau menarik balik tawaran Theft Loss GAP Benefit dengan pengumuman di laman web di [www.parksoncredit.com.my](http://www.parksoncredit.com.my).
- c. Pelanggan digalakkan untuk merujuk kepada Terma & Syarat di laman web di [www.parksoncredit.com.my](http://www.parksoncredit.com.my) semasa membuat laporan untuk menuntut GAP Benefit disebabkan kehilangan motosikal akibat kecurian.
- d. Terma & Syarat ini telah dipaparkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Kedua-dua versi bahasa dianggap sama sah. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara kedua-dua versi yang disebutkan di atas, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan dalam menentukan niat dan maksud Terma & Syarat ini.

***GAP Benefit diberikan oleh Parkson Credit, di mana ia mengekalkan hak tersendiri untuk menilai dan menentukan kelayakan tuntutan GAP Benefit yang dikemukakan serta jumlah pembayaran tuntutan pada bila-bila masa.***

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### Maklumkan Kehilangan Motosikal

- a. Apabila berlakunya kehilangan motosikal, pelanggan mesti memaklumkan Parkson Credit dengan segera secara bertulis yang dilampirkan bersama laporan polis dan menyerahkan kepada [cs@parksoncredit.com.my](mailto:cs@parksoncredit.com.my).
- b. Borang pemberitahuan boleh dimuat turun di <https://www.parksoncredit.com.my/customer-form-download.php?l=bn>
- c. Kegagalan untuk memaklum kepada Parkson Credit dalam tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan proses tuntutan GAP Benefit ditunda.

----- Bahagian ini dibiarkan kosong -----